

Pahang peruntuk RM40 juta pulih Lembah Bertam



Pekerja ladang membersihkan kebun sayur yang terjejas teruk akibat banjir kilat, Rabu lalu.

KUANTAN – Kerajaan negeri terima peruntukan kira-kira RM40 juta ringgit bagi membaiki serta menambah-baik infrastruktur di Lembah Bertam, Cameron Highlands yang musnah disebabkan banjir lumpur, minggu lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata, kerajaan memikirkan cara terbaik bagi mengatasi limpahan air dari empangan dengan menambah-baik infrastruktur program pengurusan banjir termasuk melalui cara mendalam dan melebarkan sungai tersebut.

"Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri

Kewangan yang meluluskan peruntukan dan bantuan RM40 juta untuk projek pemulihan bagi mengelak tragedi berulang.

"Peruntukan diberikan adalah untuk membuat tebatan banjir sama ada mendalam, melebar, mengorek atau sebagainya.

"Apa yang penting adalah keprihatinan dan usaha kerajaan persekutuan yang bersedia membantu mengurangkan risiko banjir di sana," katanya dalam satu sidang media sempena Hari Profesionalisme 1BestariNet Pengetua dan Guru Besar Sekolah-sekolah Negeri Pahang, dekat sini, semalam.

Menurutnya, masyarakat juga

perlu lebih peka dengan situasi keadaan terutama musim tengkujuh dan lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan lembah itu.

"Bukan itu sahaja, perkara tersebut juga berlaku disebabkan penerokaan tanah secara berleluasa.

"Lebih membimbangkan saya perkara tersebut juga membuatkan kedalaman empangan semakin kurang.

"Justeru saya sudah mengarahkan agensi kerajaan terlibat supaya menguatkan pemantauan dan rondaan bagi menangani isu penerokaan tanah secara haram agar ianya tidak lagi berleluasa di Cameron Highlands," katanya.